

24 APR 2001

Syed Hamid-Thai

THAILAND JAMIN ISU PENYALURAN GAS SELESAI TIGA BULAN LAGI

KUALA LUMPUR, 24 April (Bernama) -- Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra hari ini memberi jaminan bahawa masalah kelewatan pelaksanaan projek Saluran Gas Trans-Thai Malaysia akan diselesaikan dalam tempoh tiga bulan.

Jaminan itu diberikan oleh pemimpin Thai itu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad apabila beliau dan rombongannya mengunjungi Perdana Menteri di Putrajaya hari ini sempena lawatan dua harinya ke Malaysia.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika memberi taklimat kepada media mengenai hasil pertemuan itu, berkata Malaysia telah meminta kerjasama Thailand supaya projek itu dapat dipercepatkan bagi mengurangkan beban kos yang ditanggung oleh Petronas akibat kelewatan pelaksanaannya.

"Bagi kita, ianya penting kerana kos semakin meningkat dan yang paling teruk mengalaminya ialah Petronas," katanya.

Ketika ditanya sama ada projek itu akan diteruskan, Syed Hamid berkata setakat ini tiada cadangan untuk menangguhkannya.

Ditanya mengenai kos yang telah ditanggung oleh Petronas akibat kelewatan pelaksanaan projek itu, beliau berkata : "Saya fikir ada kos tambahan tetapi jika mahukan butirannya, lebih baik tanya Petronas."

Mengenai kajian Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang dikatakan menjadi punca kelewatan pelaksanaan projek itu, Syed Hamid berkata Thaksin memberi jaminan perkara itu akan diselesaikan.

Minggu lepas, Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican dilaporkan berkata projek itu menghadapi masalah kelewatan kerana kajian EIA belum diluluskan oleh pihak berkuasa Thai.

Projek saluran gas dan penapisan yang dimajukan oleh Kawasan Pembangunan Bersama Malaysia-Thailand (JDA) adalah satu usaha sama antara Petronas dan Petroleum Thailand.

Gas dari lapangan Cakerawala di JDA itu dirancang untuk dibawa menerusi saluran paip dari lapangan luar pantai Songkhla (di selatan Thai) ke Bukit Kayu Hitam di bahagian sempadan Malaysia.

Syed Hamid juga berkata pada pertemuan hari ini, kedua-dua pihak bersetuju untuk menghidupkan semula jawatankuasa pertanian Thai-Malaysia yang fungsinya dihentikan pada 1996.

Beliau juga berkata Thailand telah menyatakan minat untuk mengadakan usaha sama tangkapan ikan laut dalam dengan Malaysia.

"Thai ada modal dan kepakaran dan kita minta supaya tangkapan ikan hasil projek usaha sama itu diturunkan di pelabuhan-pelabuhan kita dan kita jual dan proses di negara ini dan mereka setuju," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia telah diminta supaya waktu masuk di pintu-pintu masuk ke negara ini dilanjutkan.

"Perkara ini akan disusuli lagi di peringkat pegawai," katanya.

Pada pertemuan hari ini, perkembangan terkini di Myanmar turut dibincangkan.

Katanya Malaysia dan Thailand sebagai sebahagian daripada Asean perlu membantu Myanmar yang sedang menghadapi pembangunan dan perubahan di persekitarannya.

Beliau berkata Dr Mahathir juga memberi penerangan mengenai perkembangan penyusunan semula struktur kewangan dunia dan perlunya kedua-dua negara bertukar-tukar pendapat mengenai hubungan dua hala.

Kedua-dua pihak juga bersetuju supaya hubungan dagang antara mereka terus ditingkatkan.

Syed Hamid berkata bahawa pada pertemuan hari ini, Malaysia bersetuju menarik balik arahan mengharamkan kemasukan lembu dari Thailand.

Arahan mengharamkan kemasukan ternakan itu dibuat beberapa bulan lepas ekoran penyakit lembu gila yang melanda beberapa negara.

-- BERNAMA

NZ AHH MAI